

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD.
KADIR [SETIU]**

TARIKH : 5 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mekanisme yang digunakan untuk mengelakkan majikan terus mengambil pekerja asing secara tidak sah pasca COVID-19 ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan pada masa ini telah membekukan pengambilan pekerja asing baharu mengambil kira penularan wabak pandemik COVID-19 serta impak pandemik tersebut kepada pasaran pekerjaan negara. Tempoh ini akan digunakan oleh Kementerian ini untuk mengambil pendekatan “*all out*” bagi memastikan pencari kerja warganegara diserapkan dalam pasaran pekerjaan bagi mengurangkan kadar pengangguran.

Bagi membantu industri yang memerlukan khidmat pekerja asing sedia ada, Kerajaan bermula 10 Jun 2020 telah menjalankan program pertukaran majikan bagi membolehkan majikan yang tidak dapat meneruskan penggajian pekerja asing mereka memindahkan pekerja tersebut kepada majikan baharu. Proses ini dikendalikan sepenuhnya oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri serta hanya untuk sektor pekerjaan yang sama. Pada masa yang sama, Kerajaan juga sedang meneliti pelbagai aspek dalam menambah baik pengurusan pekerja asing secara holistik.

Sekian, terima kasih.